

# EPU tidak perlu kemuka bukti - GPMS

KUALA LUMPUR 15 Okt. Unit Perancang Ekonomi (EPU) tidak perlu mengemukakan sebarang bukti tentang kaedah kajian penguasaan ekuiti bumiputera sebanyak 18.9 peratus kepada Parti Gerakan.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Reezal Merican Naina Merican berkata, sekiranya EPU patuh kepada permintaan tersebut, maka lebih banyak permintaan dari kaum lain yang perlu dilayan.

Beliau berkata, sekiranya keadaan serupa berterusan, ia mampu mencetuskan polemik tidak sihat.

"Saya yakin sekiranya EPU menjawab kepada Gerakan, maka selepas ini ada permintaan dari kaum lain bagi merabuktikan pelbagai perkara.

"Saya minta semua pihak mengambil cadangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya tidak mempertikaikan data yang diberikan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis terbuka puasa bersama media dan menyampaikan sumbangan kepada pelajar miskin sekitar Lembah Klang di sini, malam ini.

Semalam Parti Gerakan meminta EPU mendedahkan secara telus kaedah kajian yang digunakan bagi menunjukkan penguasaan bumiputera dalam ekuiti ekonomi negara hanya sebanyak 18.9 peratus.

Permintaan tersebut dibuat oleh Presidennya, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dengan alasan ada sesuatu tidak kena dengan angka tersebut.

Menurutnya, ini kerana ia ti-

dak menampakkan sebarang peningkatan berterusan sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970.

Reezal berkata, apa yang dilakukan Parti Gerakan seolah-olah menuduh kerajaan berbohong tentang data penguasaan ekuiti bumiputera yang dikeluarkan.

Katanya, Keng Yaik tidak sepatutnya membuat tuntutan secara terbuka berhubung perkara itu sebaliknya ia boleh dibincangkan di peringkat Kabinet.

"Ini cara yang lebih sopan agar tidak ada pihak beranggapan bahawa kerajaan berbohong," katanya.

Mengenai GPMS, Reezal berkata, badan berkenaan kini dalam peringkat pelaksanaan projek yang dirancang antaranya program pemetaan pelajar tercicir.

Di bawah program itu katanya, GPMS akan mengenai pasti zon pelajar tercicir paling tinggi, sekolah prestasi rendah dan masalah disiplin pelajar.

Beliau berkata, satu skuad jelaah akan bergerak bagi menjalankan pelbagai aktiviti berseesuaian untuk membantu sekolah dan pelajar yang telah dikenal pasti.

"Kita juga akan jalankan program sekolah angkat di mana 24 sekolah iaitu dua dari setiap negeri di Semenanjung akan terpilih dan GPMS akan membiayai semua program yang bakal dianjurkan," katanya.

Pada majlis itu, 100 pelajar miskin Lembah Klang menerima sumbangan Wang tunai RM100, baucer membeli-belah RM100 dan hamper.